

**(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2021), Perbekalan 2021/2022, yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, di Peringkat Jawatankuasa.

Maka bagi membolehkan kita berbincang dan meneliti tajuk-tajuk selanjutnya, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita bersidang di Peringkat Jawatankuasa.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang Rang Undang-Undang (2021), Perbekalan 2021/2022 satu per satu, yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Pada sidang sebelah pagi tadi sebelum kita menangguhkan persidangan, kita telah pun selesai meluluskan Tajuk Jabatan Perdana Menteri dan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk diijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Sekarang kita menyambung semula untuk meneliti tajuk-tajuk selanjutnya.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Tajuk SB01A hingga SB04A – Kementerian Pertahanan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa beralih kepada Kementerian Pertahanan bagi Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A.

Sebagaimana lazim, Kementerian Pertahanan juga sebuah kementerian yang disifatkan sebagai kementerian tertutup kerana ia berkaitan langsung dengan hal-ehwal strategik keselamatan negara dan sensitif yang tidak sesuai bagi kita membincangkan Jadual Undang-Undang yang berkenaan secara terbuka.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberi ruang kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan II untuk memberikan penerangan lanjut tentang penyediaan belanjawan bagi Kementerian Pertahanan. Saya silakan sekarang, Yang Berhormat Menteri Pertahanan II. Silakan, Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pertahanan II:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan yang peramba /kaola / saya hormati. Lebih dahulu izinkan peramba / kaola /saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang diberikan untuk mengongsikan mukadimah kaola di bawah Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2021/2022. Juga mengambil kira Ahli-Ahli Yang Berhormat belum berkesempatan untuk memenuhi undangan Kementerian Pertahanan bagi sesi muzakarah.

Dalam kesempatan awal dan istimewa ini, kaola bagi pihak Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia bagi penyediaan peruntukan Tahun Kewangan 2021/2022.

Syukur **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** bagi Tahun Kewangan 2021/2022, jumlah peruntukan yang disediakan untuk Kementerian Pertahanan ialah sebanyak \$610,170,920.00. Perbezaan jumlah tersebut dan jumlah yang telah diluluskan bagi Tahun Kewangan 2020/2021 adalah kenaikan sebanyak \$4.1 juta atau 0.68%.

Sebagai salah satu penerima terbesar bagi Belanjawan Negara, peruntukan

yang disediakan ini sememangnya merupakan amanah besar dan mencerminkan kepercayaan yang tinggi bagi peranan Kementerian Pertahanan dalam memenuhi keperluan negara.

Dengan peruntukan ini, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** amanah yang dipertanggungjawabkan ke atas Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan terus digalas dengan penuh cermat dan pendekatan yang bersesuaian mengikut keperluan dan keutamaan.

Yang Berhormat Pengerusi. Jika diimbas kembali, hanya beberapa minggu yang lalu, kita dengan penuh kesyukuran dan kebanggaan meraikan ulang tahun kemerdekaan yang ke-37 tahun.

Kemerdekaan ini telah memberi Negara Brunei Darussalam nafas baharu bahawa rakyat dan penduduk diberi peluang dan kebebasan dalam menjalani kehidupan seharian sambil bekerja keras dalam mengisi makna kemerdekaan dalam aspek politik, sosioekonomi, kebudayaan, pertahanan, keselamatan dan sebagainya.

Dari bermulanya titik kemerdekaan lebih tiga dekad yang lalu dengan kurnia rahmat dan nikmat daripada **اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan berkat daulat serta kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara tercinta terus berkembang maju dan makmur serta rakyatnya sentiasa

menikmati keamanan dan kesejahteraan yang berpanjangan tanpa sebarang pencetus konflik atau peperangan yang dapat menjejaskan kualiti kehidupan rakyat serta menggugat ketenteraman awam.

Walaupun demikian, ketiadaan konflik atau peperangan, bukanlah satu-satunya pengukur kejayaan keselamatan. Ia juga tidak bermakna keamanan dan kestabilan negara dapat sama sekali dipandang ringan atau ditandai secara statik atau reaktif sahaja kerana keadaan iklim keselamatan sekeliling kita yang bersifat kompleks dan pantas berubah-ubah tidak memberi sebarang ruang untuk kita bersikap *complacent* atau leka.

Oleh itu, kepentingan pertahanan sebagai pelaburan yang berterusan perlu sentiasa dititikberatkan untuk bukan sahaja memastikan pemeliharaan keamanan kita pada hari ini, malahan ia juga tanggungjawab kita untuk memastikan *peace and security* dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang.

Dalam hal ini, perlindungan daripada kemudaratan ataupun *protection from harm* dan mempromosikan kesejahteraan (*promotion of well-being*) yang telah kita capai selama ini memerlukan kita untuk sentiasa bersikap sensitif, proaktif serta berpandangan jauh dan strategik dalam konteks *Contemporary Operating Environment (COE)* yang semakin rumit dan mencabar.

Skop bagi konsep pertahanan negara terus mengalami pelebaran dengan

pendalaman globalisasi, ke saling bergantung ekonomi, kemajuan teknologi dan kebangkitan pelbagai ancaman daripada sumber buatan manusia dan semula jadi.

Selain itu teknologi masa depan (*emerging technologies*) dan perubahan iklim akan menambahkan lagi risiko dan *vulnerability* keselamatan yang akan dihadapi negara sejurusnya meningkatkan lagi tuntutan kepada peranan pertahanan.

Sehubungan itu, kita perlu sama-sama mengingatkan dan memahami bahawa keamanan dan kestabilan negara adalah *precondition* utama untuk pembangunan negara dan penikmatan hasil pencapaian matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Secara ringkasnya kefahaman teras mengenai kedinamikan landskap persekitaran keselamatan negara baik ancaman dalaman maupun luaran serta suasana geopolitik serantau dan antarabangsa sangat penting dan perlu sentiasa direviu, dipantau dan dianalisis untuk memastikan dasar dan strategik pertahanan kekal realistik, relevan dan efektif.

Yang Berhormat Pengerusi, berikutan tuntutan terhadap pertahanan yang kian bertambah dan sesuai dengan kematangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang pada tahun ini mencapai umur 60 tahun. Kemas kini kertas putih pertahanan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan diterbitkan pada bulan Mei hadapan bersukutkan Sambutan Jubli Intan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Pengemaskinian kertas putih pertahanan

ini berdasarkan kertas-kertas putih pertahanan yang diterbitkan sebelum ini iaitu pada tahun 2004, 2007 dan 2011 dalam menggariskan hala tuju rancangan strategik pertahanan negara.

Sejak penerbitan kertas putih pertahanan yang terakhir pada tahun 2011, situasi *geopolitic* serantau dan antarabangsa telah menjadi lebih kompleks dan sukar untuk diramal, lebih lagi dengan kombinasi peningkatan ancaman-ancaman sekuriti tradisional dan bukan tradisional melibatkan *state dan non-state actors* yang seterusnya memerlukan adaptasi yang bersesuaian bagi angkatan tentera kita.

Sehubungan itu, kemas kini kertas putih pertahanan ini dihasratkan akan dapat membentuk dasar pertahanan negara yang bersifat semasa dengan memberikan fokus kepada keutamaan tugas-tugas pertahanan (*defence task*) dan seterusnya menjadi panduan menangani cabaran-cabaran yang mendatang sehingga ke tahun 2035 seiring tahun Wawasan Brunei dicapai.

Ia juga akan terus memberikan tumpuan kepada memperkukuhkan penyejajaran program projek dan aktiviti pertahanan kepada tiga tonggak pertahanan yang sedia ada iaitu:

1. Cegah Rintang atau *deterrence*;
2. Diplomasi Pertahanan;
3. Pertahanan Holisitk.

Pada masa yang sama, reviu kepada perancangan strategik Kementerian Pertahanan juga telah dilaksanakan ke arah memantapkan perancangan

keupayaan (*capability planning*) termasuk perancangan penaiktarafan peralatan yang ada dan pemerolehan platform baharu digandingi dengan usaha memantapkan *engagement* pertahanan dalam mendukung pendekatan *whole of government approach* dan *whole of nation approach*. Ini adalah sebagai salah satu usaha kementerian dalam menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusalam sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-58 dua tahun yang lalu. Baginda bertitah menitikberatkan kepentingan perancangan strategik pertahanan untuk menangani segala ancaman kontemporari ke arah mewujudkan keselamatan negara secara meyeluruh tanpa kompromi.

Setentunya sepertimana juga yang terbukti daripada krisis pandemik *COVID-19*, kapasiti dan keupayaan yang dibangunkan cuma akan dapat dimanfaatkan dan digembleng dalam situasi kecemasan sepertinya apabila keupayaan respons secara sepadu dan holisitik *whole of government approach* dan *whole of nation approach* turut diwujudkan dan dipersediakan.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam menghadapi realiti keselamatan yang mencabar dan dinamik ini 3 tonggak pertahanan yang kaola terangkan tadi pada masa ini tetap dinilai relevan.

**Cegah Rintang** – Sebagai pemelihara keamanan, cegah rintang merupakan kelebihan yang unik bagi sesebuah

angkatan tentera. Gabungan tahap keupayaan ketenteraan dan anggota yang unggul lagi terlatih menjadi benteng melindungi negara daripada ancaman-ancaman keselamatan dengan tiada perasaan gentar atau gementar di saat-saat getir.

Bagi Tahun Kewangan 2020/2021 pada mendukung tema belanjawan, "Pelaburan Untuk Masa Depan - *Investing In Our Future*" beberapa *milestone* telah terlaksana yang menyumbang kepada peningkatan keupayaan cegah rintang pertahanan iaitu:

- i. Program pemeliharaan dan penaiktarafan, *Combat Vehicle Recognition track* atau *CVR(T)* Fasa 1 yang bermula sejak Januari 2020 dan dijangka akan selesai pada Nobember 2021.;
- ii. Program membaik pulih *VAB Armoured Vehicle* atau Kereta Angkut Perisai Fasa 1 yang bermula sejak September 2020 dan dijangka akan selesai pada Mei 2021.; dan
- iii. Kerja pemeliharaan kapal-kapal Tentera Laut Diraja Brunei melalui *Muara Maritime Services Sdn Bhd* iaitu *joint venture* antara Darussalam *Assets* dan *Lurssen Internaval GmbH* dari Jerman sejak tahun 2019 , ternyata dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan dengan demikian **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** telah menyumbang kepada peningkatan ketersediaan dan kesiapsiagaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei khususnya Armada Tentera Laut Diraja Brunei.

Sementara itu, bagi Tahun Kewangan 2021/2022 dengan tema belanjawan baharu "ke arah Pembangunan Sosioekonomi Yang Resilien", sebahagian besar peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang dirancang untuk terus memperkukuhkan keupayaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam aspek *Strategic Capability Projects* yang termasuk:

- i. Projek *Unmanned Aerial System* iaitu keupayaan *Aerial Intelligence Surveillance and Reconnaissance (ISR)* bagi pemantauan sempadan darat mahupun maritim yang lebih berkesan. Sistem *UAS* ini juga dihasratkan untuk menyumbang kepada keperluan nasional dalam menyediakan keupayaan *ISR* kepada operasi-operasi *Humanitarian Assistance* dan *Disaster Relief (HADR)*, *Search and Locate (SAL)* pamadaman kebakaran, kawalan sempadan dan operasi penguatkuasaan undang-undang. Pada masa ini projek tersebut berada pada fasa pelaksanaan dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diterima dalam masa yang terdekat.;
- ii. Projek *Unmanned Underwater Vehicle* atau *UUV* yang mempunyai keupayaan seperti *Mine Counter Measure, Hydrography* dan *Search and Locate* dan projek ini sedang dilaksanakan dan penghantaran sistem pertama dijangka akan mengambil tempat dalam jangka masa sederhana.;

- iii. Projek *Dockyard* untuk terus memenuhi keperluan pemeliharaan dan logistik keupayaan kapal-kapal Tentera Laut Diraja Brunei yang juga boleh dilaratkan bagi peningkatan keberkesanan aset-aset agensi keselamatan dan penguatkuasaan kebangsaan yang lain.;
- iv. Konsultansi bagi Projek Al-Aadiyat untuk mengganti keupayaan kenderaan *CVR(T)* yang sedia ada.;
- v. Konsultansi yang berasingan bagi penggantian projek sistem *Command, Control, Communication, Computers, Intelligence, Surveillance* and *Reconnaissance (C4ISR)* Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Di samping ini, peruntukan yang diberikan juga akan digunakan untuk membiayai kerja pemeliharaan aset-aset utama seperti kapal, kenderaan, pesawat udara dan senjata yang antara lainnya termasuk pesawat udara CN 235 serta membiayai pembekalan kelengkapan dan peralatan yang diperlukan mengikut jadual kelengkapan unit dan *Standard Operating Procedures* ketenteraan.

Turut kekal signifikan ialah kos latihan dan eksais ketenteraan yang keupayaan cegah rintang dan respons tidak boleh beroperasi semata-mata dengan aset pertahanan dan persenjataan. Sebahagian besar daripada keupayaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah hasil daripada keberkesanan latihan-latihan ketenteraan.

Pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mempunyai institusi-institusi latihannya sendiri dan sebahagiannya kini dibantu oleh *Akademic Providers* tempatan seperti Universiti Brunei Darussalam untuk menjalankan latihan-latihan serta kursus-kursus yang diperlukan bagi memahirkan para anggotanya dan juga latihan bersama angkatan-angkatan tentera luar negara, memanfaatkan peluang-peluang yang disalurkan melalui diplomasi pertahanan.

Yang Berhormat Pengerusi, pembangunan keupayaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga akan terus memanfaatkan teknologi dan inovasi moden untuk membangun kesesuaian dalam rantau ini untuk masa hadapan.

Ke arah ini Kementerian Pertahanan melalui Kumpulan Sains dan Teknologi Pertahanan atau *Defence Science and Technology Group* akan mengkaji dasar dan langkah-langkah untuk diinstitusikan proses serta mekanisme bagi menjana inovasi sains dan teknologi.

Sebagai contoh, bagi mendukung inisiatif Penyelidikan Sains Dan Teknologi Pertahanan, satu *Defense Research and Innovation Seed Fund* tahunan telah diperuntukkan di bawah Pengurusan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi yang bertujuan menggalakkan projek-projek penyelidikan baharu berasaskan kepada keperluan praktikal operasi.

Dalam pada itu juga, jurnal *FRONTIER* telah dilancarkan pada 30 November tahun lepas, sebagai salah satu landasan bagi memaparkan dan mengongsikan

hasil usaha inovasi sains dan teknologi Kementerian Pertahanan setakat ini.

Selain itu, Kementerian Pertahanan akan mengadakan persidangan antarabangsa dalam bidang Sains Dan Teknologi Pertahanan buat julung kalinya pada masa yang terdekat setelah tertangguh kerana merebaknya wabak *COVID-19*. Sebagai platform untuk memperluaskan rangkaian para penyelidik dan pakar dari sektor akademik, industri dan kerajaan dari dalam dan luar negara serta mempromosikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai inovasi sains dan teknologi yang berkaitan dengan keupayaan pertahanan.

Selaku salah sebuah organisasi yang turut menggunakan sistem teknologi dan rangkaian *cyber* bagi menjalankan fungsi gerakan dan operasi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei tidak terkecuali untuk sama-sama terlibat dalam mempertingkatkan keupayaan dalam menentang ancaman *cyber* yang semakin berleluasa.

Pada peringkat *internal*, Penubuhan Unit Pertahanan *Cyber* telah dikhaskan untuk menangani ancaman-ancaman sedemikian. Di peringkat kebangsaan, Kementerian Pertahanan akan terus memberi sokongan kepada Kementerian Perhubungan dan Infokomunikasi khususnya kepada *Cyber Security Brunei* sebagai peneraju utama keselamatan *cyber* di negara ini.

Di peringkat serantau kerjasama dan perkongsian maklumat dengan negara-

negara sahabat juga akan dimanfaatkan dalam membangun kapasiti dan keupayaan kementerian seperti melalui *ASEAN Defence Ministers Meeting Plus (ADMM) – Plus Experts Working Group on Cyber Security* dan juga *Asean Cyber Security Coordinating Committee* yang telah bersidang buat julung kalinya pada bulan November tahun lalu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Tidak syak lagi perancangan perbelanjaan yang dihuraikan merupakan satu pelaburan ke arah memperkukuh keupayaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk jangka masa yang panjang. Perancangan yang digarisilhamkan bukan sahaja berpandukan objektif untuk memenuhi keperluan keselamatan negara tetapi juga dengan mengenal pasti peluang untuk meraih *spin-off benefits* seperti menjana peluang pekerjaan khususnya kepada belia dan beliawanis negara dan memberi sokongan kepada industri yang sedia ada.

**Diplomasi Pertahanan** - Kepentingan tonggak yang seterusnya diplomasi pertahanan semakin jelas terpancar dalam mempertahankan negara pada era *job politic* dan persekitaran keselamatan masa kini yang lebih banyak memerlukan respons yang berunsur kolektif.

Diplomasi pertahanan sama ada melalui landasan dua hala ataupun pelbagai hala membolehkan negara untuk menjaga hubungan pertahanan dan ketenteraan yang baik dengan negara-negara luar bagi meningkatkan kefahaman, keyakinan, ketelusan dan keterbukaan sesama pihak seterusnya mewujudkan

dasar saling mempercayai (*mutual trust*) dan saling menghormati (*mutual respect*).

Pulangan *Investment Diplomacy* pertahanan antara lainnya merangkumi penghindaran konflik daripada tercetus dan jaminan bahawa sebarang ketidakfahaman, kepentingan yang berbeza akan sebaik-baiknya ditangani secara aman. Peranan ini memerlukan usaha yang berterusan, penghayatan yang mendalam mengenai sejarah rantau dan antarabangsa serta kemahiran dalam menangani isu-isu sensitif.

Oleh itu Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bergiat aktif dalam menanai diplomasi pertahanan secara dua hala dan pelbagai hala bersama negara-negara serantau dan antarabangsa yang turut merangkumi negara-negara kuasa besar (*major powers*) dan kuasa perantara, (*middle powers*) melalui pelbagai landasan mesyuarat, latihan tentera, pertukaran lawatan anggota-anggota dan lawatan-lawatan kapal tentera dan laut.

Tahun demi tahun, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** diplomasi pertahanan negara semakin berkembang maju dan antara lainnya merangkumi:

1. Memorandum Persefahaman atau *MOU* dalam bidang pertahanan, ketenteraan dan teknologi bersama 18 buah negara dan beberapa buah negara lagi dalam penelitian akhir.;

2. Rangkaian Atase / Penasihat Pertahanan Negara Brunei Darussalam di 9 buah negara.;
3. Platform bagi Mesyuarat Dialog Dasar Pertahanan dan Pertukaran Perisikan Bersama 9 buah negara.;
4. Penempatan pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang berkaliber sebagai *International Liaison Officers (ILO)* di *Information Centre Regional HADR Coordination Centre* dan paling terkini di *Counter Terrorism Information Facility (CTIF)* di Republik Singapura serta *Common Watch Captain Combined Task Force 151, Gulf of Aden.*;
5. Penempatan Atas e Pertahanan Negara Brunei Darussalam di Republik Indonesia sebagai wakil tentera *ASEAN Military Ready Group (AMRG)* ke *ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance and Disaster Relief* atau lebih dikenali sebagai *AHA Centre* di Jakarta, Republik Indonesia sepanjang tahun 2021 selaku negara mempengerusikan *ASEAN.*; dan
6. Kemampuan untuk memikul dan melaksanakan peranan sebagai Pengerusi Bersama *ASEAN Defence Ministers Meeting-Plus Experts Working Group (ADMM-Plus EWG) on Maritime Security* pada tahun 2014 hingga 2017 bersama New Zealand dan yang terkini iaitu *ADMM-Plus EWG) on Military Medicine* bersama Australia dari tahun 2021 hingga 2023.

Seterusnya pengendalian sebagai *host* kepada 2 latihan besar iaitu *ADMM-Plus*



*EWG - Military Medicine Exercise* pada tahun 2013 dan *ADMM plus Maritime Security Counter Terrorism Exercise* pada tahun 2016 yang memberikan sumbangan signifikan kepada keupayaan koordinasi dan interoperability dalam menangani ancaman-ancaman yang dihadapi bersama.

Seterusnya peneraju *Inisiatif Confidence Building ASEAN Direct Communication and Infrastructure* atau *ADI* yang dilancarkan antara negara-negara *ASEAN* pada tahun 2017 untuk mengelakkan sebarang kesalahfahaman dan menangani sebarang cabaran keselamatan maritim secara lebih telus dan terbuka. Inisiatif *ADI* kini dipanjangkan kepada negara-negara rakan dialog *ASEAN + (countries)* dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diperluaskan secara rasmi seawal-awalnya pada penghujung tahun ini.

Penglibatan Kapal Tentera Laut Diraja Brunei dalam latihan maritim terbesar di dunia iaitu *Exercise Rim of the Pacific 2020 (RIMPAC 2020)* pada bulan Ogos yang lalu bahawa KDB DARULEHSAN turut berjaya melancarkan penembakan peluru berpandu *MM40 BII EXOCET* di Hawaii, Amerika Syarikat dalam siri *Life Firing 'Sinking Exercise'* atau *SINKEX*.

Dengan pencapaian ini, KDB DARULEHSAN berjaya mencapai kemampuan operasi sepenuhnya dalam semua aspek dan dengan kejayaan yang sama juga telah dicapai oleh KDB Darussalam dan KDB Darul Aman semasa latihan penembakan peluru berpandu semasa ekseseis *RIMPAC 2014* dan

penyertaan wakil-wakil angkatan tentera yang kredible dan profesional dari merata dunia dalam kursus-kursus perkembangan Eksekutif Kementerian Pertahanan (*EDPMINDEF*), kursus Maktab Turus ABDB dan kursus pertengahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei khususnya dari Amerika Syarikat, Arab Saudi, Australia, Bangladesh, India, Indonesia, Malaysia, New Zealand, Oman, Pakistan, Republik Filipina, Republik Korea, Republik Rakyat China, Singapura, Thailand, United Kingdom dan Vietnam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada tahun ini, sektor pertahanan dan ketenteraan juga turut memainkan peranan yang penting pada ketika Negara Brunei Darussalam sedang menggalas tanggungjawab selaku Pengerusi *ASEAN* dengan tema "*We Care, We Prepare, We Prosper*".

Sehubungan itu, Sektor Pertahanan dan lebih menjuru kepada ketenteraan, "*We Prepare*" iaitu usaha-usaha untuk sentiasa bersedia bagi cabaran masa kini dan akan datang ke arah memastikan *ASEAN* kekal relevan.

Walaupun sedemikian, ia juga turut memberikan sumbangan secara tidak langsung kepada keutamaan di bawah sikap pemeduliaan (*we care*) dan ke arah kemakmuran (*we prosper*). Mengambil kira inisiatif kerjasama yang melibatkan koordinasi *cross-pillar* dan *cross sectoral* seperti dalam aspek bantuan kemanusiaan dan perubatan tentera.

Dari segi *deliverables*, sektor kementerian pertahanan melalui Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan *ASEAN (ADMM)* serta platform yang lain yang relevan akan mengambil peluang ini untuk menggerakkan lagi kerjasama praktikal dan juga akan memastikan konsep kepesatan *ASEAN centrality* kekal memandu ke agenda *ADMM* dalam menangani cabaran keselamatan yang dihadapi oleh rantau *ASEAN*. Pada tahun ini Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan *ASEAN* selaku mekanisme tertinggi dalam sektor pertahanan akan menjangkau usia 15 tahun dengan itu Kementerian Pertahanan mengambil kesempatan selaku pengerusi *ADMM* di *milestone* yang signifikan ini berpendapat inilah juga masanya untuk menilai dan mengkaji semula sejauh mana keberkesanan *ADMM* dalam menyumbang kepada *ASEAN* secara keseluruhannya.

Sehubungan itu, ia akan melibatkan "*comprehensive stocktaking*" ke atas semua inisiatif yang ada dan akan diselaraskan mengikut keadaan persekitaran sekarang termasuk yang diperkenalkan Negara Brunei Darussalam semasa menjadi Pengerusi pada tahun 2013 iaitu *ASEAN Direct Communication Infrastructure (ADI)*, *Logistic Support Framework (ASF)* dan *ASEAN Defence Interaction Program (ADIP)*.

Ini dihasratkan agar inisiatif-inisiatif di bawah *ADMM* kekal mampan dalam jangka panjang dan membawa impak positif yang berkekalan kepada komuniti *ASEAN Community*.

Pada amnya kesemuanya ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan memberikan sumbangan ke arah memastikan persekitaran negara kita kekal positif dan juga sebagai menjamin masa depan *ASEAN* sebagai rantau yang makmur, stabil dan aman.

Yang Berhormat Pengerusi. Walaupun interaksi secara fizikal bersama negara-negara sahabat mula terhad disebabkan penularan pandemik *COVID-19* sejak tahun lalu. Hubungan pertahanan ketenteraan bersama negara-negara sahabat pada prinsipnya tidak terjejas dan kebanyakannya usaha-usaha dalam mengutuhkannya terus ditandai melalui kaedah-kaedah alternatif termasuk secara maya.

Di sebalik kesulitan yang dicetuskan oleh *COVID-19*, rangkaian hubungan diplomasi pertahanan yang ditandai selama ini telah berjaya membuahkan manfaat kepada pembangunan kapasiti dan keupayaan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam menyokong usaha kerajaan dalam menangani pandemik berkenaan melalui kegiatan-kegiatan kerjasama yang dilaksanakan termasuk bantuan latihan dan peralatan, pertukaran maklumat serta pengkongsian *best practices* seperti yang berikut:

1. Sumbangan Kementerian Pertahanan Republik Singapura iaitu *COVID-19 detection package* termasuk mesin *Fast Real Time Polymerase Chain Reaction (PCR)* yang diterima pada 13 Mac 2020.
2. Pada 14 Mei 2020, Kementerian Pertahanan turut menerima

sumbangan berbentuk peralatan perubatan yang termasuk alat ujian suhu badan dan peralatan perlindungan diri (*PPE*) dari Kementerian Pertahanan Nasional Republik Rakyat China.;

3. Seterusnya pada 27 Mei 2020, the *ASEAN Center of Military Medicine (ACMM)* yang berpangkalan di Bangkok telah mengendalikan sebuah *COVID-19 Table-top Exercise* secara atas talian ke arah mendukung hasrat menteri-menteri pertahanan *ASEAN* untuk meningkatkan kerjasama sektor pertahanan dalam menentang penularan penyakit.; dan
4. Tambahan ini, Negara Brunei Darussalam juga sedang giat bekerjasama dengan Australia selaku Pengerusi Bersama dalam merangka Pelan Kerja Kumpulan Kerja Pakar Perubatan Ketenteraan di bawah rangka kerja *ADMM-Plus* bagi kitaran 2021 hingga 2023 yang akan tertumpu kepada usaha-usaha meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat dalam menangani ancaman-ancaman kesihatan awam secara lebih praktikal.

Sehubungan itu, pihak kerajaan Australia juga telah menghulurkan sumbangan alat-alat kelengkapan makmal *COVID-19* melalui satu majlis penyerahan di Kompleks Perubatan Bolkiah Garison pada 30 Disember tahun lepas.

Selain menggambarkan komitmen negara untuk menjaga hubungan pertahanan dan ketenteraan yang baik dengan negara-negara sahabat, penglibatan dalam misi-misi dalam arena antarabangsa yang menyumbang kepada kestabilan dan keamanan sejagat turut meningkatkan dan memperluaskan profil ABDB di mata dunia sebagai angkatan tentera yang *credible, professional* dan berkemampuan dan ini sejurusnya turut menyumbang kepada efek cegah rintang yang dihasratkan.

Sebagai contoh, penyertaan Negara Brunei Darussalam di dalam misi pasukan pemantauan antarabangsa di Mindanao, Republik Filipina sejak tahun 2004, *United Nations Interim Forces in Lebanon* sejak tahun 2008 dan juga paling terkini sebagai ahli *Independent Decommissioning Body Verification and Monitoring Assistance Teams* sejak tahun 2019 untuk mengawasi proses pelucutan senjata berikutan proses damai di Mindanao, Selatan Filipina merupakan pengiktirafan dan komitmen dan sumbangan negara yang amat bermakna terhadap keamanan dan keselamatan di kawasan-kawasan yang bergejolak dengan konflik. Walaupun dengan jumlah keanggotaan yang agak sederhana akan tetapi ia juga sangat bermanfaat kepada usaha-usaha meningkatkan tahap profesionalisme dan pengalaman baharu kepada anggota keselamatan kita.

Secara kesimpulannya, diplomasi pertahanan sama ada dalam bentuk kerjasama strategik ataupun praktikal, terbukti dalam menjaga imej dan

mempertahankan kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang mengutamakan dan mencintai kedamaian dan keamanan serta komited dalam mempromosikan persekitaran serantau yang lebih kondusif untuk kepentingan bersama serta membolehkan peranan dan pengaruh negara diperluaskan dan diharumkan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Yang Berhormat Pengerusi.

**Pertahanan Holistik-** Tonggak pertahanan yang seterusnya dan yang terakhir ialah pendekatan *whole of nation approach* atau pertahanan holistik.

Kedatangan dan kesan pandemik *COVID-19* yang ketika ini masih melanda dunia sejak tahun lalu adalah manifestasi bentuk antara ancaman-ancaman masa kini pada era persekitaran yang penuh ketidakpastian. Pengalaman yang baharu dilalui dalam sama-sama memerangi penularan *COVID-19* menjadi satu lagi bukti mengenai betapa perlunya bagi pelaburan-pelaburan yang berterusan dalam dua perspektif:

- i. Membangunkan dan mengekalkan tahap kesediaan dan kesiagaan yang tinggi dan juga; dan
- ii. Memperkasakan tindakan bersepadu melalui kaedah *whole of nation approach* negara.

Seperti yang dapat dilihat dan rasakan, pandemik *COVID-19* menjejaskan seluruh *facet* kehidupan dan memaksa kita mengadaptasi norma baharu. Ia mengancam bukan sahaja kesihatan dan ekonomi malahan juga pertahanan dan keamanan negara. Kementerian Pertahanan oleh itu mempunyai *direct accountability* dalam respons negara untuk memastikan kestabilan dan keselamatan negara tidak terganggu olehnya. Sepertimana juga yang diserukan dalam misi Kementerian Pertahanan iaitu untuk mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah dan mendukung perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ hasil dari penekanan berterusan ke atas tahap kesediaan dan kesiagaan yang tinggi bagi menghadapi segala bentuk ancaman, pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei turut memberikan sumbangan petugas barisan hadapan (*frontliners*) dalam usaha menangani impak *COVID-19* di negara ini.

Pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei antara lainnya telah mengupayakan kerahan dan pelaksanaan *rapid response* dalam bantuan logistik, tenaga kerja dan pentadbiran di bawah sebuah *taskforce* yang berpusat di Pusat Perubatan Bolkuah Garison. Tambahan ini, dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, penempatan makmal sementara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah ditubuhkan di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Mukim Kilanas pada 24 Mac 2020 sebagai usaha menyokong Kementerian Kesihatan.

Terkini makmal ini memberikan sinergi usaha makmal Kementerian Kesihatan dalam menjalankan sampel ujian saringan *COVID-19*.

Pelaksanaan tugas dan rondaan sempadan bersama Pasukan Polis Diraja Brunei melalui operasi sepadu Jawatankuasa Keselamatan Negara bermula April tahun lalu secara langsung memastikan keberkesanan penguatkuasaan sekatan keluar masuk bagi mengekang perebakan penyakit dan menyekat kemasukan barang-barang tegahan khususnya melalui penyeberangan sempadan secara haram menggunakan "jalan-jalan tikus".

Yang Berhormat Pengerusi, di samping peranan menangani *COVID-19*, pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga sering kali diberikan kepercayaan dan memberikan sokongan kepada agensi-agensi peneraju melalui *capability coordinated and rapid response* dalam bidang operasi mencari dan menyelamatkan, bantuan kemanusiaan dan bencana alam, bantuan logistik, *flying doctors* ke kawasan pedalaman, aktiviti penangkapan ikan secara tidak sah iaitu *illegal, unreported and unregulated fishing* serta menjamin keselamatan pelantar-pelantar minyak negara.

Oleh itu program-program pembangunan dan penambahbaikan kapasiti dan keupayaan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan terus memberikan keutamaan kepada mewujudkan tahap kesediaan dan kesiagaan yang tinggi dalam menghadapi pelbagai bentuk cabaran kini dan akan

datang ke arah mendukung kaedah yang berpaksikan *coherence* ini.

Pendekatan *whole of nation approach* bukan sahaja penting, malah adalah satu keperluan khususnya dalam aspek pertahanan dan keselamatan. Oleh itu Kementerian Pertahanan telah mengenal pasti satu peluang untuk memperteguh kerjasama bersama agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan kebangsaan yang lain melalui kaedah guna sama bagi *Unmanned Aerial System* yang kaola jelaskan pada awal mukadimah setelah keupayaan tersebut mula beroperasi dalam masa yang terdekat *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Kementerian juga seterusnya sedang menerokai peluang kerjasama baharu bersama pihak-pihak berkepentingan dalam pelbagai bidang termasuk penyelidikan, perolehan, peralatan dan penghapusan. Usaha ini dapat mengoptimumkan penggunaan infrastruktur dan fasiliti serta tenaga kerja dan kemahiran yang bukan sahaja memastikan penggunaan sumber yang lebih efisien tetapi juga mengalakkan perkongsian *best practises*.

Dalam menggalas tugas dan tanggungjawab mempertahankan negara. Tumpuan turut diberikan kepada memenuhi tanggungjawab kepada masyarakat sama ada melalui Projek Titian Amal Angkatan Bersenjata Diraja Brunei iaitu projek sepanjang tahun yang melibatkan pembinaan atau pembaikan infrastruktur dan fasiliti bagi memerlukan kempen-kempen membersihkan masjid-masjid, taman-taman rekreasi dan tanah-tanah perkuburan atau

kempen menderma bantuan kewangan dan darah. Program kemasyarakatan merupakan asas bagi jalinan silaturahmi yang erat dan harmoni antara orang ramai dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sebagai contoh terkini pada akhir tahun 2020 Projek Titian Amal Angkatan Bersenjata Brunei dengan kerjasama padu dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) telah berjaya menaiktarafkan dan membuka semula Taman Rekreasi Bukit Subok bagi kunjungan dan keselesaan serta keselamatan orang-orang awam yang mengunjungi dan beriadah di taman tersebut dan yang pada masa *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ* ini difahamkan kelihatan meningkat ramai.

Yang Berhormat Pengerusi ketiga-tiga tonggak utama yang telah kaola jelaskan sebentar tadi adalah *mutually enforcing* dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan terus dilaksanakan secara bersepadu. Ianya juga perlu diseiringkan dengan pelaburan yang setimpal dalam peningkatan sokongan logistik memantapkan pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

Mengoptimumkan penggunaan sains dan teknologi, peningkatan prestasi penggunaan belanjawan yang diperuntukkan ke arah pencapaian *e-Result areas* pertahanan yang kaola huraikan pada tahun-tahun sebelumnya di bawah akronim IKWONDAMAI.

I-Integriti wilayah yang kukuh

K-Tahap keupayaan tempur dan kesiapsiagaan yang tinggi.;

WON - Mendukung keadah *Whole of Nation*.;

D- Diplomasi Pertahanan yang efektif

A- Penglibatan pertahanan dalam misi-misi antarabangsa.;

MA- Sumber tenaga manusia yang berprestasi tinggi.;

I – Imej pertahanan yang kredibel.

Dalam memberikan perhatian khusus kepada kebajikan anggota tentera projek fokus grup kebajikan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah menghasilkan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pemedulian kebajikan terhadap anggota.

Antaranya ialah menaik taraf fungsi Pusat Kaunseling Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menjadi Pusat Prihatin Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada bulan Julai tahun lepas yang membantu dan menyelaras pemedulian kebajikan anggota yang lebih menyeluruh. Buku Panduan Kesejahteraan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei 2020 juga telah dihasilkan sebagai panduan semua anggota mengenai penjagaan kebajikan.

Dalam aspek menyerapkan, mengukuhkan dan mengamalkan disiplin dalam kalangan anggota ke arah menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi setiap unit dan semua peringkat kepimpinan sentiasa diingatkan untuk menjalankan tanggungjawab dengan berpegang

teguh pada nilai-nilai teras Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan menasihatkan anggota bagi mengutamakan disiplin sama ada dalam atau luar bekerja sebagai menjaga *image* dan kredibiliti organisasi.

Pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei tidak sama sekali mengambil ringan akan kesalahan-kesalahan mana-mana anggotanya dan tindakan yang sewajar akan sentiasa diambil sebagai pengajaran atau *deterrent* agar kesalahan yang sama tidak akan berulang lagi.

Sementara itu pendekatan kerohanian atau kekuatan dalaman juga aktif dibuat dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni ke atas anggota pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei antaranya kursus-kursus agama dan pelbagai aktiviti keagamaan termasuk mengimarahkan masjid dan surau-surau di semua perkhemahan dan pangkalan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan mengadakan pembacaan ayat-ayat suci al-quran, zikir-zikir, selawat dan kuliah-kuliah serta tazkirah.

Yang Berhormat Pengerusi. Dengan izin dan limpah kurnia اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى jua dan berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kekal aman dan tenteram.

Nikmat dan rahmat ini membolehkan kita semua, rakyat serta penduduk hidup bebas daripada rasa takut dan rasa tidak menentu, rakyat jelata hidup dengan pegangan berpeluang mengejar haluan pilihan dan terlindung di bawah payung pemerintahan raja yang adil lagi

bijaksana, keadaan dan *environment* ini kita rasakan tatkala dunia dan rantau kita masih memerangi penularan wabak *COVID-19*.

Kestabilan dan keamanan kekal sebagai persyaratan penting untuk pembangunan kesejahteraan negara. Dalam hal ini, ia diberikan keutaman paling tinggi. Tidak ada ruang untuk kompromi yang mana setiap pihak memiliki tugas dan tanggungjawab untuk menjaga kestabilan dan melindungi keamanan Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai. Kementerian Pertahanan menyediakan *foundation* dan menjadi tunjang kepada tanggungjawab senegara ini melalui perancangan strategiknya yang disasarkan ke arah mengujudkan sebuah angkatan tentera yang dihormati dan rakan kerja yang mantap untuk sebuah negara yang selamat.

Dalam memenuhi tugas dan tanggungjawab sebagai institusi sebagai keselamatan negara yang semakin *multifunctional*. Kementerian Pertahanan berpaksikan kedewasaan usia, usaha-usaha memperkasa kapasiti dan keupayaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengoptimum faedah dari diplomasi pertahanan dan akan terus memberikan tumpuan kepada pendekatan *Whole Of Government Approach* dan *Whole Of Nation Approach* agar dapat sama-sama menyumbang dan memastikan kepada kestabilan dan kesejahteraan negara akan berkekalan dinikmati dan disyukuri.

Dalam kesempatan mukadimah tahun ini kaola ingin sekali lagi mengungkapkan

rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada semua anggota keselamatan negara khususnya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang sentiasa cekal, tabah, ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam memegang amanah besar dan murni mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara.

Kaola secara peribadi dan membawa Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini semua jasa pengorbanan dalam menjaga kesucian agama kedaulatan bangsa dan negara dikurinasikan ganjaran yang setimpal oleh اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى جُا.

Sebelum mengakhiri mukadimah tahun ini seperti yang dicakapkan awal tadi lazimnya, kaola menyatakan bahawa pada Peruntukan Kewangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta jabatan-jabatan di bawahnya tidak akan dibahaskan secara terbuka memandangkan ia boleh mendedahkan isu-isu keselamatan dan perihal pertahanan strategik negara yang disifatkan sensitif dan sekian Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan II atas mukadimah yang telah dibentangkan cukup jelas dan teliti dan sememangnya tidak perlu lagi dibahaskan. Maka tajuk ini sekarang, saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk meluluskan tajuk ini, sila angkat tangan.

### **(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Kementerian Pertahanan Tajuk SB01A – Tajuk SB04A Jabatan Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita berpindah kepada tajuk seterusnya saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat kenyataan bagi menjawab beberapa soalan yang telah pun dikemukakan oleh 3 orang Ahli Yang Berhormat dalam kita membincangkan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Silakan Pehin.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi memberikan laluan kaola untuk menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa membincangkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Selasa 16 Mac.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari yang mengusulkan supaya Negara Brunei Darussalam memberikan peluang *FDI* disektor kewangan dan memberikan khidmat kemudahan



kewangan dalam membantu mengembangkan pembangunan perniagaan negara dan diperingkat global yang bertapak di Negara Brunei Darussalam. Mudah-mudahan ia menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai hab kewangan serantau dan antarabangsa, khususnya membantu pembangunan ekonomi yang mampu meningkatkan fiskal negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya disini menjawab bagi pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD. Pihak AMBD sentiasa mengalukan pelaburan asing dalam sektor kewangan di negara ini.

Ini dapat dilihat dari status *FDI* dalam sektor kewangan setakat ini iaitu 6 daripada 8 buah bank di negara ini terdiri daripada bank-bank asing yang diambil kira sebagai *FDI*, manakala 4 daripada 11 buah syarikat di sektor takaful atau insurans adalah syarikat asing. Dalam sektor pasaran modal, 4 daripada 8 pemegang *capital market services license* adalah syarikat asing.

Dalam usaha untuk menggalakkan perkembangan sektor kewangan, pihak AMBD juga telah menyediakan *Fin Tech Regulatory Sandbox* untuk memberikan peluang kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk menguji perkhidmatan kewangan yang inovatif seperti *e-Payment*. Peluang ini terbuka kepada mana-mana syarikat tempatan dan pelabur asing.

Pada tahun 2016, *AMBD* juga telah menerbitkan *Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint 2016/2025*, bahawa *AMBD* berhasrat antara lainnya untuk membukakan lebih peluang dan akses kepada pasaran kewangan Negara Brunei Darussalam melalui perjanjian-perjanjian perdagangan bebas yang berkenaan.

Seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, yang mengemukakan cadangan bagi *payment gateway* bagi menerima pembayaran atas talian dari luar negeri yang patut diteliti. Pada menjawab perkara ini, peraturan-peraturan *AMBD* mengalukan permohonan daripada penyedia perkhidmatan pembayaran dari dalam dan luar negara yang berminat untuk beroperasi di Negara Brunei Darussalam.

Ini tertakluk kepada keputusan komersial syarikat-syarikat tersebut. Kaedah yang selamat dan sering digunakan oleh usahawan-usahawan kecil yang berniaga melalui *platform* e-Dagang untuk menerima pembayaran secara *online* adalah melalui pembayaran kad debit atau kad kredit.

Dalam pada ini, beberapa bank di negara ini dan juga syarikat-syarikat tempatan telah mula menawarkan perkhidmatan pembayaran *digital* yang membolehkan usahawan-usahawan kecil untuk menerima pembayaran secara *online* secara *cost effective*, efisien dan selamat. Antara lainnya adalah *BIBD QuickPay* dan *NexGen, Baiduri Internet*

*Payment Gateway, Baiduri Merchantsuite* dan lain-lain lagi.

Yang terakhir ialah kenyataan daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi yang berharap inisiatif untuk mentransformasi negara melalui *digital ID, digital payment* dan *people hub*. Sehubungan itu, antara usaha AMBD dalam membangun *digital payment* tempatan ialah melalui pelancaran *Digital Payment Roadmap 2019/2025*.

*Roadmap* ini menetapkan strategi ke arah mencapai *digital payment nation* iaitu transformasi industri pembayaran negara kepada pembayaran secara digital selaras dengan visi Brunei Darussalam *Financial Sector Blueprint 2016/2025* dan Wawasan Brunei 2035 untuk mempelbagaikan ekonomi secara dinamik. *Roadmap* berkenaan menggariskan tiga strategi utama iaitu:

1. Keseimbangan dalam peraturan dan inovasi.;
2. Penggunaan *open digital payment*.; dan
3. Kesedaran dan pendidikan orang ramai.

Dalam menggalakkan dan memudahkan cara perkhidmatan kewangan *digital*, AMBD juga bekerjasama rapat dengan Majlis Ekonomi Digital (*Digital Economy Council*) untuk mencapai objektif-objektif Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Sejajar juga dengan *Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam*

*2019/2025*, AMBD menyokong kerjasama institusi-institusi kewangan tempatan dalam melaksanakan projek *digital payment hub* yang projek ini telah diberikan status *flagship* di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025. Sekian sahaja penjelasan kaola Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang mesyuarat Jawatankuasa beralih kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A. Sebelum saya membukakan tajuk ini untuk dibahaskan, saya ingin memberikan ruang kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk membentangkan sekiranya ada pendahuluannya tentang asas dan dasar penyediaan belanjawan kementeriannya ini.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya, bagi Tahun Kewangan 2021/2022 secara keseluruhannya adalah disediakan peruntukannya berjumlah \$929,354,122.00. Peruntukan ini adalah untuk membiayai:

1. Gaji Kakitangan berjumlah \$67,392,597.00 iaitu peningkatan kira-kira \$1.44 juta atau 2.2% dari Tahun Kewangan 2020/2021. Mengambil kira pengiraan sebenar gaji dan elaun bagi jawatan-jawatan yang telah diisikan. Pemindahan 24 jawatan daripada Kementerian Tenaga dan penyerapan 6 jawatan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.;
2. Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah \$844,971,409.00 iaitu meningkat sebanyak kira-kira 21.1% daripada peruntukan Tahun Kewangan 2020/2021. Antara lainnya disebabkan oleh peningkatan peruntukan Perkhidmatan Rampaian sebanyak 26.9% kepada \$7.4 juta berbanding Tahun Kewangan 2020/2021. Perkhidmatan Rampaian ini, termasuklah peruntukan bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan kementerian dan jabatan yang antara lainnya seperti Keselamatan dan Pertahanan berjumlah \$121.8 juta. Perkhidmatan Perubatan berjumlah \$30 juta. Menangani wabak penyakit berjangkit termasuk pembelian vaksin *COVID-19* berjumlah \$20 juta. Perbelanjaan bagi menangani bencana alam seperti melaksanakan kerja-kerja perlindungan jangka masa panjang bagi tanah susur dan banjir berjumlah \$15 juta. Keselamatan awam berjumlah \$5.8 juta.

Projek Teknologi Maklumat berjumlah \$4 juta, Kemajuan Daerah Temburong berjumlah \$38 juta. Program bantuan

kepada pelajar-pelajar Skim Miftaahun Najaah dari keluarga yang kurang berkemampuan iaitu bantuan ini merupakan *in kind* seperti pakai seragam sekolah, buku kerja, alat tulis dan yuran sekolah berjumlah \$1.5 juta dan lain-lain perbelanjaan.

Manakala di bawah kategori Perbelanjaan Kemajuan pula \$16,990,116.00 dengan harga rancangan berjumlah \$295,223,991.00 adalah diperuntukkan antara lainnya untuk membiayai Projek Penubuhan Bursa Saham di Brunei Darussalam. Kajian sains teknologi dan *inovasi* di bawah Brunei *Research Council* penyelidikan mendukung pembangunan negara. Banci dan kajian sosioekonomi, sistem pengurusan sumber manusia kerajaan, Projek pembangunan Pulau Muara Besar Fasa 2, Projek Pembangunan Teluk Brunei, Pulau Muara Besar dan Projek Sistem Kebajikan Kebangsaan.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola tidak akan mengulang kembali inisiatif-inisiatif di bawah keutamaan-keutamaan belanjawan bagi Tahun Kewangan 2021/2022 termasuklah pencapaian-pencapaian yang telah dicapai oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi sepanjang Tahun Kewangan 2020/2021. Memandangkan kaola telah pun menerangkan secara terperinci semasa pembentangan belanjawan negara bagi Tahun Kewangan 2021/2022 tempoh hari.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan terus

komited dalam melaksanakan dan mendukung usaha-usaha yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara sama ada melalui kerjasama dengan kementerian-kementerian *GLC* dan badan-badan berkanun yang berkenaan serta melalui *Foreign Direct Investment*. Ini termasuklah mendukung inisiatif ke arah industri Revolusi ke-IV dan meningkatkan efisiensi dalam pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

Dalam masa yang sama, kaola sukacita mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama rakan-rakan sejawatan dalam melaksanakan beberapa projek di bawah *Fiscal Consolidation Programme* dan kaola penuh percaya dan berharap projek-projek yang dalam perancangan akan dapat diungkayahkan dengan adanya kerjasama yang padu demi mencapai hasrat ke arah kedayatahanan fiskal negara. Yang Berhormat Pengerusi, sekianlah yang dapat kaola kongsi sebagai makluman dan panduan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola percaya dengan kerjasama dan sokongan semua pihak hasrat Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke arah memastikan kedayatahanan serta kestabilan fiskal dan kepelbagaian ekonomi akan dapat dicapai.

Sebelum kaola menutup sepertimana jua yang lazimnya dibuat pada tahun-tahun yang lalu, kaola memohon izin bagi Peruntukan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam atau (*HMSF*) yang disifatkan sebagai jabatan yang tertutup untuk tidak dibincangkan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat, atas penerangan mengenai penyediaan belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Maka saya sekarang membukakan tajuk ini untuk kita bahaskan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

1. Saya membawakan Tajuk SD01A-Kementerain Kewangan dan Ekonomi. Beberapa tahun yang lalu i-usahawan telah ditubuhkan. Sejauh ini apakah status i-Usahawan secara statistik pengusaha-pengusaha muda yang telah berjaya mendapat tender-tender dari Syarikat Brunei Shell Petroleum dan statistik belia-belia yang telah berjaya menerima tender-tender dari pihak kerajaan?; dan
2. Cadangan untuk meningkatkan lagi geran untuk *MSMES* Brunei seperti *co matching grant* sekarang gerannya \$10 ribu sahaja kalau boleh dinaikkan kepada \$30 ribu

untuk *jump start* bisnes baharu atau yang sedia ada.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:**

Terima kasih atas soalan-soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat, barangkali mengenai usaha dalam i-Usahawan untuk mendapatkan projek dari Syarikat Minyak dan Gas, barangkali soalan itu ada baiknya dijawab oleh rakan sejawatan dari Menteri Tenaga nanti, Mengenai geran MSMES *co matching grant* dan sebagainya memang pada masa ini ada skim *co matching* dan untuk *start up* dan sebagainya memang perkara ini dilihat kesesuaian atau tidak dinaikkan tapi ini memang *co matching* bukannya saja geran ini diberikan oleh *Darussalam Enterprise* tapi sebelum diberikan bisnes itu pun mesti dikeluarkan jumlah yang sama tetapi kitani melihat bisnes nya dahulu. Kalau ia maju sama ada dapat dibantu lagi boleh difikirkanlah tapi apa yang penting bukannya mengira berapa jumlah geran diberikan. Kitani mesti melihat jua prospek bisnes itu.

Sebelum difikirkan menjalankan bisnes sudah minta geran yang tinggi-tinggi. Perlulah menjalankan dulu bisnes itu, kalau maju kemudian dengan sendirinya dengan keuntungannya dapat dilabur balik ke dalam bisnes itu. Satu isu ini sering kaola menghadapi belum lagi memulau bisnes sudahlah memikirkan mana bantuan kewangan dan sebagainya tapi perhatian itu tidak

difokus kepada macam mana *make sure* bisnes itu berjaya. Dengan cadangan ini, kewangan ini tidak semestinya satu faktor menjayakan bisnes ini. Bagi bisnes berjaya ia memang terlibat beberapa faktor. Kewangan dalam satu saja faktornya tapi kalau bisnes itu maju tidak kitani khuatirkan sama ada *grant* itu cukup ataupun tidak. Kalau ia maju dengan sendirinya keuntungan itu boleh dilaburkan balik. Itulah jawapan kaola bagi soalan yang diajukan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pencapaian negara dalam mengawal perbelanjaan kerajaan dan pelaksanaan fiskal *consolidation* yang semakin terlihat perkembangannya dan penurunan *supplementary budget* bagi tahun 2019/2020 iaitu dalam lingkungan \$10 juta. Saya ingin membangkitkan di bawah Tajuk SD09A - Perkhidmatan Rampaian Kod Akaun B04000 di bawah *Miscellaneous* iaitu B04001 Projek Rampaian.

Seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II sejumlah \$27.5 juta telah disediakan khas bagi Projek Fokus

manakala sejumlah \$175 juta disediakan untuk Projek Rampaian. Adalah difahami bahawa Projek Rampaian khusus bagi menampung pembiayaan atau pelaksanaan projek-projek yang tidak dijangkakan. Saya memohon pencerahan mengenai peningkatan perbelanjaan hampir \$142 juta di bawah Projek Rampaian ini. Ada kenaikan dari tahun lepas iaitu \$35 juta dan tahun ini naik ke \$175 juta.

Soalan kedua, mengenai Kod Akaun B04409 - Subsidi Lampin Pakai Buang dan *Breast Pump*. بِرَحْمَةِ اللَّهِ الْكَرِيمِ berkat pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam rakyat kita telah diberikan subsidi lampin pakai buang dan juga *breast pump* selama 3 tahun sudah, peruntukan yang diberikan setiap tahun dalam lingkungan \$2 juta. Lebih dari 6,000 anak damit *new born babies* dilahirkan setiap tahun akan menerima lampin pakai buang setiap 3 bulan selama 1 tahun. Dianggarkan dalam 80,000 unit lampin pakai buang diberikan setiap tahun yang ia menelan belanja lebih kurang dalam lingkungan \$1 juta. Saya rasa tiba masanya kita menggunakan lampin yang *reusable or washable* ataupun *invest in our MSME's* bagi penghasilan produk lampin pakai buang tempatan (*Brunei made*) dan ini secara tidak langsung dapat menjana hasil negara yang ia dapat dipasarkan dalam negara ataupun pasaran serantau. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:**

Terima kasih soalan-soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat tadi. Pertama, mengenai soalan yang kedua dulu. Mengenai lampin. Perkara ini memang dikenalkan (*introduce*) beberapa tahun yang lalu. Nampaknya tidak jua semua ibu memohon. Ada juga pam yang sudah ada pada sebahagian ibu tersebut yang memilih *brand* sendiri. Jadi, memang tidak dipohon juga daripada kerajaan. Tapi, isu inisiatif ini kitani di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang membuat kajian dengan kemudahan-kemudahan ini, sama ada diteruskan ataupun digunakan untuk cara lain. Cadangan untuk digunakan *MSME's* itu *is different issue*. *SME's* ada keperluan untuk kita menolong. Ada beberapa cara untuk kitani menolong *SME's*. Ini kira kitani bagi kemudahan kepada ibu yang lepas beranak. Nampaknya dari *experience* ini ada sebahagian ibu ini tidak 'tepakai' lampin-lampin yang diberikan oleh kerajaan, jadi mereka beli sendiri dengan *brand* yang dipilih oleh mereka, sama juga dengan *breast pump*.

Mengenai soalan pertama iaitu Projek Rampaian. Ini disediakan *just incase* dengan ada beberapa projek *for example Project National Coastal Surveillance System* di bawah Jabatan Perdana Menteri, disediakan juga. Bangunan ICC mungkin akan dinaik taraf, beberapa projek di bawah Kementerian Pembangunan masa ini masih dikategorikan di bawah Projek Rampaian, seperti KUPU SB belum lagi diperuntukkan dalam *budget*

di Kementerian Pembangunan tetapi masa ini dikira Projek Rampaian pada masa ini. Ada projek macam bangunan-bangunan Pasukan Polis Diraja Brunei pada masa ini, diubah suai termasuk dalam Projek Rampaian ini. Ada juga sebahagiannya dari Kementerian Pendidikan seperti bangunan-bangunan di Kuala Belalong *Field Study Centre* UBD, Temburong. Di Kementerian Hal Ehwal Ugama, masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan sebagainya. Itulah ada peningkatan daripada tahun yang sebelum ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menyentuh sedikit mengenai isu kenaikan harga barangan dan makanan semenjak penularan wabak *COVID-19*.

Kaola telah memerhatikan bahawa sebilangan restoran telah pun menaikkan harga ataupun tidak lagi menghidangkan daging kerbau, sapi atau kambing disebabkan harga yang tinggi. Tambahan lagi ada penjual "nasi katok" pun terpaksa menaikkan harga ke 50%

menjadi \$1.50. Sate daging dikurangkan menjadi dua cucuk bagi setiap \$1.00. Pada pemahaman kaola, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) bertanggungjawab untuk memantau harga-harga barangan termasuk makanan.

Dengan ini soalan kaola, kaola memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II, apakah langkah-langkah dan usaha yang telah dikelolakan oleh JPES dalam menangani isu kenaikan harga tersebut? Sekian Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih soalan-soalan yang diajukan Yang Berhormat tadi. Mengenai langkah-langkah diambil oleh JPES untuk mengawal harga barangan. Kalau dilihat kenaikan harga itu ada sebab-sebab *beyond our control*, oleh kerana *COVID-19* logistik memang terjejaslah di dalam negeri ini. Oleh sebab juga, pegawai dari bahagian halal di Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak dapat belayar seumpamanya ke Australia bagi menyaksikan penyembelihan kerbau, lembu dan kambing.

Jadi, terpaksa satu usaha dari kerajaan untuk mengimport lembu dan kambing sama ada dengan kapal laut ataupun kapal terbang untuk diterbangkan ke Brunei bagi disembelih di Brunei, memang dengan logistik *cost* yang tinggi harganya pun ikut naik.

Tetapi, mudah-mudahan masa hadapan dengan vaksin dan sebagainya barangkali ada peluang bagi pegawai dari bahagian halal, Kementerian Hal Ehwal Ugama itu dapat berbalik semula seperti dahulu untuk terbang ke Australia bagi menyaksikan penyembelihan dengan itu dapat kita import daging mengikut harga sebelum ini. Bukannya sahaja di restoran, ayam dan daging itu naik harga ke nasi katok, sate pun naik harga juga.

Sekarang ini, kalau menggunakan ayam pada masa ini musim Disember itu kebanyakan orang kurang membeli daging lembu atau kambing. Kebanyakan orang membeli ayam memang terjadi kekurangan stok *inventory* ayam tapi kalau dilihat pada masa ini sudah *almost back to normal*. Lagi secara menambah bagi menjawab soalan tadi di bawah JPES, ada 11 kategori barangan makanan asasi yang dipantau. Dari usaha pemantauan harga ini yang membolehkan JPES untuk disiarkan harga-harga pasaran barangan ini melalui aplikasi Pengguna Bijak seumpamanya, jadi orang ramai bolehlah mendapatkan informasi, bagi membuat *inform purchase decision* bagi mendapatkan nilai harga terbaik sama jua data-data ini boleh kita kongsi dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kita boleh menjadi satu dasar, satu strategi bagi negara ini sama ada kalau sekiranya harga naik sama ada kita menambah lagi *production* dalam negeri supaya mereka lebih *competitive* dengan sendirinya mudah-mudahan harga itu

tidak lagi makin meningkat. Bagi lembu dan kambing pada masa ini, sepertimana kaola terangkan tadi pakai kapal laut dan kapal terbang untuk memasukkan ke dalam negeri Brunei kalau perkara ini berterusan melalui kerjasama dengan *PDS Abattoir Sdn Bhd*, pada masa ini kita sudah terdapat *festlot* sendiri. Mudah-mudahan kalau kita dapat meningkatkan lagi jumlah import lembu dan kambing dengan sendirinya dapat *average down import cost* tersebut iaitu menurunkan kos import tersebut dengan kalau dapat dicapai harga itu pun dapat juga turun.

Tapi kita perlu juga melihat, isu *price control* ini yang mana ada manfaatnya waktu krisis tapi tidak boleh kita teruskan digunakan *price control* ini seumpamanya sekiranya ayam kita *price control* \$5.00 sekiranya jadi *all the supplier*, orang berjual itu pada biasa dijualnya \$4.50 dan sekiranya kita membuat satu harga menghadkan ke \$5.00 ada kemungkinan semua kedai *retail* ini semua naikkan harga ini ke \$5.00. Jadi, itu dikira bukan menolong *consumers* tapi menyusahkan pulang *consumers*. So itulah kita mahu juga mereka itu *competitive* antara *producer* ini supaya *we leave it to the market forces to allow all the producer to compete* dengan sendirinya mereka akan meningkatkan lagi mereka punya *efficiency and productivity*, itulah satu cara untuk menggunakan *market forces* supaya harga itu dengan sendirinya, berlawan-lawan harga, itu dapat mereka akan menurunkan harga *over time*.

Jadi, *price control* ini kalau kita impose akan tiada lagi ada insentif. Semua



mungkin dinaikkan harga ke *maximum* sebab itu satu *disadvantage* bagi *price control* itu, tapi pada masa krisis memang ada *advantagenya*. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini dilihat juga pada masa ini bekerjasama dengan pihak Pejabat Peguam Negara untuk mengukuhkan lagi perundangan kita. Kalau masa krisis itu bagaimana kita boleh *impose* dengan *price control* dengan lebih pantas dan efisien, efektif lagi memastikan kuasa kerajaan dibawah undang-undang ini adalah sejajar dengan jangkaan orang ramai. Itu sahaja kaola dapat jawab soalan tadi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Tidak dinafikan bahawa kesan pandemik *COVID-19* telah memberi kesan ekonomi seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, kesan positif dan yang baik bolehlah dilihat dari aspek peningkatan perbelanjaan rakyat dan penduduk tempatan dalam negara dan ini disebabkan oleh sempadan-sempadan yang ditutup dan yang nampak jua ialah lebih ramai orang kita mengunjungi dan mengenal keindahan dan tarikan tempat-tempat yang ada di dalam negara. Dalam hal ini, apakah kesan ini telah menguntungkan dari segi pendapatan kepada negara kerana saya percaya memang ada kesan positif dan ini barang setentunya akan memberikan justifikasi yang kukuh lagi supaya perbelanjaan fokus kepada pembaikan dan penaikan

taraf prasarana-prasarana dan tempat-tempat yang menarik penduduk tempatan.

Kedua, bolehkah dijangkakan tahun bajet *deficit* akan dijangka berakhir pada tahun 2035 dengan mengambil kira perkembangan *FDI* yang semakin tumbuh dan berkembang di negara ini.

Sekian, di sampaikan terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih atas soalan-soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat tersebut. Memang jawapan bagi soalan-soalan ini panjang kalau 'banar-banarkan' dijawab. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kaola akan cuba sahaja dipendekkan. Soalan itu, pertama mengenai sekatan orang ramai ke luar negeri dan sebagainya jadi nampaknya bisnes aktiviti di dalam negeri itu dengan sendirinya meningkat. Jadinya dengan peningkatan bisnes aktiviti dalam negeri adakah memberi keuntungan naik kepada kerajaan? Memang peningkatan aktiviti ekonomi memberikan keuntungan kepada perniagaan, tapi sama ada diberikan keuntungan kepada kerajaan, itu tertakluk kepada bisnes itu, adakah ia membayar cukai atau tidak? Kalau dilihat pada masa ini, banyak bisnes-bisnes yang untung daripada *COVID-19* seperti restoran, *supermarket* dan sebagainya. Bisnes ini kebanyakannya bukan 'sendirian berhad' maka untungnya kepada bisnes dan bukan semestinya ke kerajaan. Jikalau ia 'sendirian

berhad' mudah-mudahan bisnisnya menguntungkan dan dapat membayar cukai. Jika sekiranya ada, memang menguntungkan kerajaan. Ini dari segi cukai.

Tetapi, kalau aktiviti ekonomi meningkat ia menjanakan pekerjaan untuk anak-anak tempatan, dari segi fiskal memang tidak *direct* menguntungkan kepada kerajaan melainkan mereka ini tidak bekerja, mungkin ada sebahagian penduduk ada yang bekerja, mungkin ada yang tidak bekerja meminta bantuan dari kebajikan dan sebagainya. *Interms of fiscal* negara itu tidak ada *impact* itulah yang *very unusual*. Kalau dibandingkan dengan negeri lain ada *income tax*, kalau ada kerja memang membayar *income tax*, jadi di Negara Brunei Darussalam ini negara kita tidak terdapat *income tax* tetapi bagi bisnis-bisnis kalau bukan 'sendirian berhad' tidak membayar *corporate tax*. Jika kita lihat aktiviti ekonomi itu meningkat tidak semestinya ia *directly* meningkatkan kedudukan fiskal negara.;

Soalan 2. *FDI*. Pada tahun 2035 adakah mungkin ia meningkatkan fiskal kita? Jika dilihat *FDI* yang sudah-sudah yang sudah berjalan seperti *Hengyi Industries Sdn Bhd*, *إِنْ شَاءَ اللهُ* Brunei *fertiliser industry* pada suku ketiga ini dan lain-lain memang ada menolong meningkatkan *KDNK* kita. Kementerian Kewangan dan Ekonomi membuat jangkaan kalau *base on* yang ada *FDI* ini, berapakah *GDP*nya barang datang 2035? Jumlah itu pada masa ini *diestimate*, tetapi sangatlah menggalakkan. Wawasan Brunei 2035 ada sasarannya. Jika diambil kira mana

*FDI*nya yang sudah ada dalam negeri ini kalau *Hengyi Industries Sdn Bhd* fasa yang kedua dimajukan seterusnya memang menggalakkan, jika kita melihat dari jumlah tersebut. *FDI* ini bukannya untuk meningkatkan *GDP* kita sahaja, yang penting ia menjana pekerjaan untuk anak-anak tempatan sepertimana kaola kelmarin sudah terangkan beberapa usaha untuk *FDI* yang ada ini terus mengambil anak-anak tempatan ini bekerja dan juga beberapa usaha untuk kita mengadakan *educational programme, training* dan sebagainya. Itulah usaha-usaha kerajaan untuk membuat persediaan bagi anak-anak tempatan supaya mereka terpilih untuk bekerja dengan *FDI* kita.

*FDI, GDP, KDNK* ini tadi menjana pekerjaan dan juga meningkatkan eksport negara kita ini dengan *trade balance* dengan negeri-negeri lain dan sebagainya. Itulah manfaat kita perlu fokuskan benar-benar kepada *FDI* ini dalam satu langkah untuk kita menjanakan kita *diversify* ekonomi kita supaya nanti tahun 2035 *our economy will be diversify*, orang kita berpeluang untuk bekerja dengan *FDI* itu maksudnya mereka ada kerja yang bermakna (*meaningful employment*). Manfaat-manfaat tersebut dari kita juga,

*إِنْ شَاءَ اللهُ* Itu sahaja yang dapat kaola jawab soalan tersebut, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) suka untuk memberikan respons

terhadap satu soalan yang telah dikemukakan pada awal tadi, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola suka kan memberi *detail* sedikit berkenaan dengan i-Usahawan tadi yang diterima daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan dan yang diajukan mengenai i-Usahawan dan terima kasih rakan sejawatan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II bagi memberikan saya peluang untuk menjawab soalan mengenai status i-Usahawan di bawah sektor minyak dan gas.

Setakat Disember 2020, sebanyak 42 kontrak telah dikenal pasti dari Industri Minyak dan Gas dan Industri Kuasa Elektrik *Power*. Daripada jumlah ini, 19 kontrak telah dianugerahkan kepada 24 usahawan belia, 15 kontrak dari Industri Minyak dan Gas, 3 kontrak dari kerajaan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan 1 dari Industri Kuasa Elektrik *Power*. Program ini juga telah membukakan peluang pekerjaan kepada seramai 192 anak tempatan dan mempunyai jumlah keseluruhan nilai kontrak sebanyak \$28 juta. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita sambung semula dan saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi, saya akan menyentuh mengenai Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Tajuk SD04A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Isu yang saya bawakan ini biasa sahaja dan ringan tetapi impaknya ia membawa ke akhirat. Maksudnya, kita memahami dan akibat yang bakal diterima tertentu tidak akan melakukan tindakan sedemikian kerana ia jelas mengundang dosa. Saya mengambil maklum bahawa tatacara baharu memulakan perniagaan dengan memohon Sijil Penubuhan Syarikat atau Sijil Pendaftaran Perniagaan seterusnya mereka diberikan lesen dan bolehlah berniaga dengan mematuhi piawaian standard syarat peraturan garis panduan dan keperluan perundangan yang mengawal aktiviti perniagaan yang akan dijalankan.

Agensi-agensi berkuasa akan membuat pemeriksaan dan pemantauan ke atas premis-premis dan aktiviti perniagaan yang berasaskan kepada prestasi dan risiko perniagaan yang dijalankan. Saya berpandangan di samping pemohon-pemohon premis perniagaan mengikuti garis panduan yang sedia ada. Pemohon-pemohon perlu juga dilengkapi dengan garis panduan dan prinsip perniagaan dalam Islam (bermuamalat) supaya segala usaha dan aktiviti yang dilaksanakan menjadikan ia sebagai ibadah. Masih ada kita temui di lapangan seperti di 'tamu-tamu', pasar, kedai

makan, kedai runcit, *supermarket* berlaku penipuan-penipuan daripada penjual-penjual atau peniaga-peniaga seperti menyembunyikan barangan yang tidak baik.

Penipuan dalam sukatan dan timbangan. Misalnya, udang yang segar diletakkan di atas. Manakala yang sudah tidak segar diletakkan di bawah. Tatakala pembeli mahu membeli, 'disauknya'. Jadi, nampaklah keadaan yang tidak baik. Ada juga peniaga-peniaga yang bercakap bohong pada misalnya, penjual udang galah dikatakannya Udang Galah Temburong tetapi sebenarnya udang galah dari luar negeri.

Saya mohon izin mencadangkan supaya pemohon-pemohon baharu yang ingin mendapatkan Sijil Penubuhan Syarikat atau Sijil Pendaftaran Perniagaan dikehendaki mengikuti Kursus Asas Muamalat dari segi hukum-hakam berjual beli dalam jangka masa yang bersesuaian iaitu sebagai salah satu usaha pendekatan dan usaha membudayakan perniagaan mengikut prinsip-prinsip Islam. Di samping, diberikan kursus berkenaan sama ada sebelum atau sesudah mereka menerima sijil berkenaan. Di samping menyediakan garis panduan etika berniaga dalam Islam melalui pelbagai media. Sekian disampaikan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai soalan mengeluarkan pendaftaran syarikat di bawah

Kementerian Kewangan dan Ekonomi (*ROCBN*). Tapi untuk memeriksa premis-premis ini bukannya di bawah tanggungjawab *ROCBN* tetapi di bawah *ABCI*. Rakan sejawatan kaola dapat menerangkan mengenai perkara ini.

Soalan seterusnya aduan orang ramai mengenai barang yang dijual ini. Kalau orang ramai ada aduan ataupun *complaint* bolehlah dihadapkan *complaint* ini kepada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik. Itu sahaja kaola dapat menjawab soalan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama suka untuk memberi tambahan sebagaimana yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Minta maaf, **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu. Kaola baru mendengar tadi dalam perjalanan kaola masuk ke dalam Dewan ini semula. Tapi yang kaola terdengar soalnya ini menghendaki pemegang-pemegang lesen itu diberikan kursus tatacara perniagaan Islam.

Mental benar kitani sekarang befikiran sekarang Yang Berhormat Pengerusi. Serba serbi orang ada kelayakan itu barutah dapat lesen, barutahkan membuat ini, lagi menyulitkan orang kitani. Perkara-perkara ajaran agama ini boleh disampaikan melalui dakwah, melalui khutbah dan mungkin melalui

semacam seminar dan sebagainya. Tapi bukanlah macam itu kitani berfikir dengan anda kursus ini menjadikan 'abisdia' 100% atau 90% akan bertatatertib sebagaimana yang dikehendaki.

Ini suatu perkara yang patut kitani fikirkan, apa-apa ini orangkan berniaga mesti dipermudahkan macam sekarang ini. Timbul gerai, timbul ada program mingguan peniaga-peniaga di stadium dan sebagainya. Tambahan kepada apa yang ada bukannya yang sudah ada, bukan ertinya musim *COVID-19* saja itu.

Mungkin akan berterusan. Jadi hal-hal sedemikian ini ia berkembang macam itu sahaja. Jadi yang dikehendaki terjadilah misalnya 'membuyuk' harga, 'membuyuk' barangan, semuanya itu boleh diterangkan dari segi etika ajaran Islam melalui dakwah, melalui khutbah dan melalui berbagai-bagai cara daripada memberikannya syarat hendaklah mereka lebih dahulu mengikuti kursus tatacara berniaga secara Islam. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Kalau itulah maksudnya Yang Berhormat Pengerusi. Minta maaf kaola.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawa Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan. Merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama jabatan ini menunjukkan peratus para

penyimpanan stok beras dan gula tidak kurang 6 bulan. Pada tahun 2021/2022 peratus penyimpanannya adalah 90% dan tahun-tahun berikutnya pun mendatang 90% sehingga tahun 2024.

Soalan kaola berapa lamakah sebenarnya penyimpanan stok beras dan gula ini paling lama dapat bertahan di dalam gudang Jabatan Perbekalan dan Stor Negara. Dalam suasana dunia mengalami pandemik *COVID-19* setentunya penghasilan beras dari negara-negara pengeluar seperti Thailand, Cambodia dan Vietnam terjejas atau berkurang.

Oleh itu, soalan kaola adakah stok beras kitani jua terjejas pengimportannya. Maka ia menurun dari 100% pada 2019/2020 kepada 90% tahun-tahun berikutnya?.

Sekian saja dari kaola terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih 2 soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat.

1. Mengenai stok beras, berapa lama sebenarnya dapat disimpan dalam stor?. Soalan ini kaola ada bertanya jua sebenarnya. *Especially during COVID-19 because* waktu *COVID-19* terdapat banyak *panic buying*. Jadi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi terpaksa jua memikirkan macam mana kitani mengimport lebih banyak beras untuk distok

dalam negeri. Memikirkan jua kalau sekiranya lepas orang beli *panic buying* ini sudah nampaknya *COVID-19* tidak lagi ada sama ada *country will be leave with too many stock in ours ware house*.

Kaola sudah tanyakan kepada *supplier* memang jawapannya boleh disimpan lebih 6 bulan, 8 bulan, 10 bulan tapi *provided* ia punya *environment, temperature* dan sebagainya sesuai. Jadi itu satu langkah untuk kitani meningkatkan lagi cara kitani menyimpan beras ini. Kitani pindah stok beras itu, kitani pindah ke *ware house* baharu dengan *better environment*. Sampai kalau sekiranya ada keperluan untuk memasang *air-condition* dan sebagainya *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* memang Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan. Tapi lepas kitani import beras itu nampaknya tidak perlulah kitani memasang *air-condition* dan sebagai *just because* stok itu tidak jua distok *ware house* sekian lama. Itulah jawapannya atau boleh disimpan lama tapi mesti dilihat ia punya stor *environmentnya*.; dan

2. Mengenai Cambodia dan Thailand itu, semasa *COVID-19* ada masalah di Cambodia *especially because* mereka ini ada kemarau di Cambodia, jadi dihadkan eksport beras ke luar negeri. Tetapi yang jenis beras yang *distop exporting* jenis beras *is the normal rice white rice* bukan kitani *fragrance rice*.

Tetapi kitani punya *fragrance rice* masih dapat dieksport.

Memang kitani *diversify* kitani punya *supply sources* yang bukannya sahaja diharapkan *supply* dari satu negeri sahaja kitani memilih Cambodia ataupun Thailand ataupun negeri lain. So atulah *Jasmine rice* kitani dapat *continue to import*. *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ* dengan usaha-usaha kita dalam negeri jua dalam meningkatka lagi kitani punya *production of rice* mudahan-mudahan kitani tidak lagi terlalu bergantung pada luar negeri. Itu sahaja jawapan kaola bagi soalan yang diajukan tadi. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat yang suka membuat pertanyaan atau suka untuk membahaskan mengenai tajuk ini maka tajuk ini sekarang akan saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi tajuk ini, kita luluskan, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Tajuk SD01A hingga SD09A - Kementerian Kewangan dan Ekonomi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukup sekian kita berunding dan berbahas dalam Peringkat Jawatankuasa. Maka saya suka supaya persidangan kita akan disambung

semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli Yang Berhormat kita telah pun berunding dan berbahas dari sejak pagi ini dan saya kira cukuplah bagi kita untuk pada hari ini. Maka saya tangguhkan persidang Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada esok hari iaitu hari Jumaat 19 Mac 2021 bermula pukul 2.30 petang, sekian.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**